



SIARAN MEDIA

KPKT MENERUSI KERJASAMA UN HABITAT BANGUNKAN 'MY PUBLIC SPACE', PERKASA PENGURUSAN RUANG AWAM BERTARAF ANTARABANGSA

MELAKA, 7 OGOS 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Urbanice Malaysia kerjasama dengan UN Habitat hari ini mengumumkan **pembangunan "MY Public Space"**, satu inisiatif baharu Kerajaan Madani bagi memperkasa pengurusan ruang awam negara berteraskan amalan terbaik antarabangsa, memastikan ia lebih berkualiti, inklusif, selamat dan berdaya tahan.

Pengumuman tersebut dibuat oleh **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming** pada **Majlis Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2026** yang telah disempurnakan oleh **YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim** di Stadium Hang Jebat, Melaka.

"MY Public Space" merupakan satu anjakan baharu dalam pembangunan bandar negara. Melalui inisiatif ini, kita bukan sekadar membina taman atau ruang awam, tetapi mewujudkan ekosistem pengurusan ruang awam yang lebih berkualiti, inklusif, selamat dan mampan demi kesejahteraan rakyat serta mengangkat imej Malaysia sebagai negara yang berdaya huni dan lestari alam di peringkat antarabangsa," kata beliau.

Kerjasama strategik bersama UN-Habitat ini bakal membuka lembaran baharu untuk melonjakkan piawaian ruang awam kita ke peringkat global, sekaligus mengangkat imej Malaysia sebagai peneraju pembangunan bandar mampan, inklusif, dan berdaya huni.

Selain itu, beliau berkata Pelan Strategik JLN akan terus menjadi pemacu utama agenda landskap negara menerusi **empat (4) fokus strategik**, iaitu:

Pertama, meningkatkan daya saing industri landskap di peringkat global dengan memperkasa penggiat industri tempatan melalui inovasi, pembangunan kemahiran serta peluasan akses ke pasaran antarabangsa.

Kedua, menangani perubahan iklim melalui penanaman 100 juta pokok secara efektif, pemulihan ekosistem dan pembangunan infrastruktur hijau bandar.

Ketiga, memacu pembangunan bandar lestari menerusi penyediaan jaringan hijau yang berkualiti bagi mewujudkan persekitaran yang lebih sihat, selamat dan berdaya huni.

Keempat, menyokong keterjaminan makanan bandar serta kesejahteraan masyarakat menua melalui pembangunan kebun komuniti dan taman mesra warga emas selaras dengan prinsip Ihsan Malaysia MADANI.

Menurut beliau, pelaksanaan empat (4) fokus strategik ini akan memperkukuh pembangunan landskap negara secara menyeluruh, sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui penyediaan ruang awam yang lebih hijau, inklusif, mampan dan berdaya tahan.

Sambutan HLN 2026 yang berlangsung dari 6 hingga 9 Ogos 2026 bertemakan **"Landskap Lestari, Malaysia MADANI"** menjadi platform memperkukuh kesedaran masyarakat terhadap kepentingan landskap dalam membentuk bandar yang hijau, mampan dan berdaya tahan.

Penganjuran HLN 2026 pada kali ini **mensasarkan kehadiran lebih 80,000 pengunjung** menerusi pelbagai aktiviti dan pertandingan dianjurkan untuk penglibatan masyarakat seperti pameran landskap, Neon Walk HLN 2026, Dekorasi Cupcake, Kelas Terrarium, Pertandingan E-Sport, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Pertandingan Ratu Kucing, Pertandingan Arca Kitar Semula, Pertandingan Booth Industri Terbaik, Laman PBT, Dialog Industri, Anugerah Rosa Sinnesis, Anugerah Landskap Negara serta pelbagai aktiviti interaktif lain.

Malam Perasmian HLN 2026 turut **mencatat sejarah tersendiri apabila sambutan HLN tahun ini merupakan pertama kali perasmian dilakukan pada waktu malam** sejak penganjuran bermula pada 1998.

HLN kali ini juga berjaya meraih pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) bagi kategori Penghasilan Perabot Terbanyak daripada Sisa Kayu dalam Tempoh Satu Hari (24 jam). Ini merupakan Malaysia Book of Records ke-6 yang diraihkan oleh KPKT dlm tempoh 3 thn ini.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh; Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M. Noor Azman bin Taib; YBhg. Datuk Wira Azhar bin Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; YBrs. Tuan Mansor bin Mohamad, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN); YBhg. Datuk Haji Shadan bin Haji Othman, Datuk Bandar MBMB serta pegawai-pegawai kanan KPKT, MBMB dan ribuan warga Melaka negeri bersejarah.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T